

Ideologi komunis berkubur



Mazlan Nordin
MENULIS

m.m'89 m/s.10
15.4.07

SITS he on never so high a throne, a man still sit on his bottom - montaigne.

Beberapa negara Islam lahir di Asia Tengah, antaranya Turkmenistan, berikutan tumpasnya empayar Soviet Union yang komunis setelah berkuasa selama 74 tahun - dari 1917 hingga 1991. Penguasaan dan ideologi komunis, yang tidak percaya kepada Tuhan gagal mewujudkan syurga dunia bagi kaum pekerja dan proletar.

Namun, beberapa aspek sistem komunis itu, terutama pemerintahan satu parti politik, meninggalkan kesan berlanjutan. Lalu Turkmenistan hanya mempunyai Parti Demokratik yang dipimpin oleh Saparmurat Niyazov sebagai Presiden. Beliau kemudian mengambil gelaran Turkmenbashi (pemimpin kaum Turkmen) dan dipilih menjadi Presiden seumur hidup.

Selanjutnya beliau menggantikan nama bulan Januari kepada **Turkmenbashi**. Bulan April ditukar dengan nama ibunya **Gurbansoltan**. Bulan September dipinda menjadi **Ruhnama** tajuk buku falsafah yang ditulis olehnya.

Menurut laporan, kerajaan menguasai kesemua sa-

luran media, akhbar, majalah, televisyen dan radio. Program-program dari stesen televisyen bahasa Rusia ditapis dahulu sebelum disiarkan. Akhbar-akhbar dan wawitawan asing diharamkan dan demikian juga parti-parti pembangkang.

Juga dilarang ialah panggung wayang, sarkas dan tarian balet atas alasan bertentangan dengan budaya kaum Turkmen.

Dalam pada itu, Turkmenbashi membina lebih 20 buah hotel untuk menarik para pelancong. Menarik bagi sesetengah pihak ialah Arca Pengecualian bagi memperingati dasar berkecuali negara tidak mahu terlibat dalam peperangan.

Hubangan erat

Lebih 80 peratus rakyat ialah dari etnik Turkmen beragama Islam dan mempunyai hubungan erat dengan orang Turki. Kekayaan minyak membolehkan kerajaan melancarkan pelbagai rancangan pembangunan.

Pada tahun 1990-an, Turkmenistan mengeksport minyak melalui paip minyak Rusia dan mendapat lebih satu bilion dolar Amerika setiap tahun. Ia kemudian mengadakan saluran minyak ke Iran.

Turkmenbashi meninggal dunia dengan mengejut pada bulan Disember 2006 akibat serangan sakit jan-



SAPARMURAT

tung. Dalam pilihan raya berikut, bekas Timbalan Perdana Menteri Kurbanguly Berdymukhamedor dipilih menjadi Presiden.

Menurut para sejarawan Turkmenistan adalah sebahagian dari negeri-negeri majoriti Islam yang dianggap sebagai *The Lost Heart of Asia* kerana dulu dipaksa masuk republik Soviet Union.

Bagi seorang penulis, antara yang paling menarik ialah Madrasah Iman Bukhari dan al-Quran yang mulanya dimiliki oleh Othman, pengganti ketiga Nabi Muhammad s.a.w.

Penulis tersebut, Colin Thubron menulis antara lainnya: "Pada tahun 655 Tahun Masihi beliau mati dibunuh di Madinah dan darah dari salah satu tikaman jatuh pada suatu ayat al-Quran itu... Tidak lama

kemudiannya pengikut-pengikut Ali, menantu Nabi menjadi sasaran serangan.

"Ali membawa al-Quran itu ke Kufa dan manakala Tamerlane menakluki Iraq, ia membawa al-Quran itu ke mari. Darah masih melekat pada al-Quran itu.

"Kami memandang ke arah al-Quran tersebut dan saya terfikir bagaimana ia jatuh dari tangan Khalifah Othman yang berumur 82 tahun manakala ia tersungkur."

Thubron mencatatkan rasa terpengaruh manakala melihat kira-kira 300 pemuda membaca al-Quran dan

hadis-hadis Nabi.

Juga dilaporkan ialah kunjungan ke sebuah kampung orang China Islam yang dipanggil Uighurs dan singgah di sebuah masjid yang dibina hampir 100 tahun lampau. Seorang temannya, bernama Pasha bertanya: "Mereka berasal dari negeri China tetapi kini menghadap ke arah Mekah. Gimana tu?"

Kunjungan

Thubron menulis mengenai kunjungan ke wilayah-wilayah Islam di Asia Tengah hingga ke sempadan negeri China. Lalu menulis lagi: "Di kampung-kampung sudah tiada lagi orang-orang Rusia. Tiada lagi tanda bintang merah (komunis) di pelbagai tanah perkuburan. Yang berganda ialah bendera bulan sabit."

Sebelum itu disebut betapa pihak komunis berkuasa, agama Islam disekat dan puluhan ribu orang Islam dibunuh. "Stalin menutup 26,000 buah masjid... makam seorang wali telah ditutup dan dijadikan Muzium Atheis."

Sejarah terus berputar dan ideologi komunis telah berkubur.

- **PENULIS** ialah konsultan kanan ISIS Malaysia. Pandangan penulis adalah pendapat peribadi dan tidak ada kena-mengena dengan ISIS.